



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
RABU 10 NOVEMBER 2021

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	3,811 PESAWAH TERIMA MANFAAT PROGRAM SMART SBB, SH -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	SMART SBB BERJAYA TINGKATKAN PRODUKTIVITI, PENDAPATAN PESAWAH, BH -ONLINE	
3.	PEMODENAN, PERTANIAN PINTAR KUNCI UTAMA TRANSFORMASI AGROMAKANAN, SH -ONLINE	
4.	PROGRAM SMART SAWAH BERSKALA BESAR (SBB), SH -ONLINE	
5.	3,811 PESAWAH TERIMA MANFAAT SMART SBB, UM -ONLINE	
6.	MAFI TAWAR INISIATIF HENTI GUNA PUKAT TUNDA, HAKAKAH DAILY -ONLINE	
7.	3,811 PESAWAH TERIMA MANFAAT SBB, DALAM NEGERI, UM -12	
8.	3,811 PESAWAH TERIMA MANFAAT SMART SBB, NASIONAL, SH -7	
9.	SMART SBB: NAFAS BANTU TINGKATKAN HASIL DAN PENDAPATAN PETANI, NASIONAL, SH -7	
10.	TANGANI KENAIKAN HARGA BAJA, RACUN, NEGARA, KOSMO -12	
11.	PENTERNAK MENGELUH HARGA MAKANAN IKAN NAIK, NEGARA, KOSMO -12	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
12.	HARGA MAKANAN TERNAKAN IKAN NAIK, DALAM NEGERI, UM -32	
13.	TAMAN AGROVET JADI TARIKAN, DALAM NEGERI, UM -33	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
14.	PERKASA SEKTOR PENTERNAKAN JAMIN BEKALAN MAKANAN, K2, KOSMO -22	
15.	SASAR TAMBAH LOKASI PASAR AGRO NEGERI, SELANGOR KINI -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
16.	2,900 HEKTAR SAWAH JADI LAUTAN, KOSMO -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
17.	MADA YAKIN STRATEGI DAN 2.0, SH -5	
18.	TUKAR DEBIT CARD AGROBANK DENGAN SMART CARD KELUARGA PELADANG (PELADANG-i), NASIONAL, BH -15	AGROBANK
19.	KUCING KAMPUNG ATAU IMPORT, KUBELA, HM -35	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/11/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

### 3,811 pesawah terima manfaat program Smart SBB



Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee (tengah) ketika di Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Program Smart SBB.

KUALA LUMPUR - Seramai 3,811 pesawah mendapat manfaat di bawah program Smart Sawah Berskala Besar (SBB) sesi 1/2021 yang melibatkan kawasan penanaman padi seluas 9,777.7 hektar.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, sehingga Oktober 2021, bilangan penglibatan dan hasil pendapatan pesawah telah berjaya melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu sebanyak 280 peratus.

"Angka ini adalah salah satu kejayaan program Smart SBB Sesi 1/2021 yang disertai oleh 11 buah syarikat peneraju dalam membangunkan kawasan penanaman padi dengan sasaran seluas 300,000 hektar secara berperingkat," katanya.

Beliau berkata demikian semasa sidang akhbar pada Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Program Smart SBB antara kerajaan dan tujuh syarikat peneraju sesi 2/2021 di sini pada Selasa.

Dalam pada itu, Ronald berkata, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan menggandakan usaha program Smart SBB bagi menarik lebih banyak pelabur swasta.

"Oleh itu, tujuh syarikat peneraju bersetuju menandatangani komitmen dan kerjasama strategik dalam program Smart SBB sesi 2/2021.

"Syarikat itu adalah Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas), Satu Cita Sdn Bhd, PTG Builder Services Sdn Bhd, Sermaju Agro Sdn Bhd, Panji Tulin Enterprise, Advansia (Sarawak) Sdn Bhd dan Unggul Venture Sdn Bhd," katanya.

Menurutnya, penglibatan syarikat ini bagi menjadikan industri padi dan beras negara lebih dinamik serta berdaya saing.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee (dua dari kanan) melihat Buku Koleksi SMART SBB semasa Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Program Smart SBB.



“Ia juga dilakukan memandangkan keperluan kepada bekalan padi bagi pemprosesan beras domestik dijangka terus meningkat,” katanya.

Beliau berkata, trend pengimportan beras dari luar negara juga perlu dikurangkan bagi tujuan sekuriti bekalan makanan negara sekaligus meningkatkan produktiviti padi di peringkat domestik.

“Penglibatan pihak swasta dalam industri padi dan beras negara amatlah penting bagi menyuntik semangat baru kepada industri ini.

“Tiga entiti utama yang akan terlibat secara langsung dalam melaksanakan program Smart SBB adalah pesawah, Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan syarikat peneraju yang dilantik oleh kerajaan,” katanya.

Tambah beliau, sehingga kini, MAFI telah mencapai persetujuan bersama dengan kesemua syarikat peneraju untuk menanggung kos penanaman padi sebanyak RM3,200 perhektar.

“Ianya melibatkan kos-kos seperti penggunaan baja tambahan seperti baja bio, penggunaan jentera mekanisasi dan automasi termasuk dron untuk meracun, pemantauan tanaman secara dalam talian dan sebagainya,” katanya.

Menurut beliau, program Smart SBB juga dijangka dapat mengurangkan kebergantungan kepada orang tengah selain turut meningkatkan hasil pendapatan pesawah sebanyak 50 peratus.

Selain itu, Ronald berkata, penggunaan teknologi canggih atau Internet of Things (IoT) selaras dengan pembangunan Industrial Revolution 4.0 (IR4.0) dalam penanaman padi adalah elemen penting yang ditekankan dalam program SMART SBB.

“Antaranya adalah penggunaan dron bagi pemantauan yang lebih berkesan dan penyemburan input pertanian seperti baja dan racun.

“Elemen teknologi yang diterapkan dapat mengurangkan kos penanaman di samping meningkatkan produktiviti hasil pertanian padi,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/11/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

## SMART SBB berjaya tingkatkan produktiviti, pendapatan pesawah



KUALA LUMPUR: Program Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) terbukti berjaya meningkatkan pendapatan dan produktiviti pesawah serta pengusaha melalui program penyatuan tanah sawah.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata ini dapat dilihat menerusi kerjasama strategik dengan

pihak swasta terutama pemain industri padi dan beras.

Katanya, kejayaan ini sekali gus memastikan keselamatan bekalan beras negara sentiasa terjamin dalam apa keadaan sekalipun.

"Ini kerana elemen jaminan keselamatan makanan adalah keutamaan kementerian dalam usaha meningkatkan ketersediaan makanan negara dan telah dijajarkan dalam dokumen dasar utama kementerian.

"Malah, kejayaan ini juga dijangka dapat mengurangkan kebergantungan kepada 'orang tengah', selain turut meningkatkan hasil pendapatan pesawah sebanyak 50 peratus," katanya dalam satu kenyataan, di sini, hari ini.

Ronald berkata, sehingga Oktober lalu, bilangan pembabitkan dan hasil pendapatan kumpulan sasar iaitu pesawah melebihi sasaran ditetapkan iaitu sebanyak 280 peratus.

"Seramai 3,811 pesawah mendapat manfaat daripada program SMART SBB membabitkan kawasan penanaman padi seluas 9,777.7 hektar di beberapa tempat termasuk IADA Barat Laut Selangor dan IADA Seberang Perak.

"Ditambah penggunaan teknologi canggih selaras Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) dalam penanaman padi, ia dapat mengurangkan kos penanaman di samping meningkatkan produktiviti hasil pertanian padi," katanya.

Beliau berkata, jalinan kerjasama pintar dan strategik awam-swasta pada Februari lalu menyasarkan pembangunan kawasan penanaman padi seluas 300,000 hektar menerusi pelbagai kaedah pelaksanaan seperti pertanian kontrak, sewaan atau pendekatan lain yang bersesuaian.

"Kini usaha diperluaskan kepada tujuh syarikat lain yang bersetuju untuk menandatangani komitmen strategik ini.

"Mereka ialah Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS), Satu Cita Sdn Bhd, PTG Builder Services Sdn Bhd, Sermaju Agro Sdn Bhd, Panji Tulin Enterprise, Advansia (Sarawak) Sdn Bhd dan Unggul Venture Sdn Bhd," katanya.

**Program SMART SBB Sesi 1/2021 turut berjaya menghasilkan Beras Wangi Tempatan Sunflower dari Ladang SMART SBB Sekinchan dan akan berada di pasaran di seluruh negara mulai 10 November dengan harga runcit RM33 bagi pek lima kilogram.**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/11/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

## Pemodenan, pertanian pintar kunci utama transformasi agromakanan



Ronald ketika merasmikan 'Webinar on Leaf Colour Chart (LCC) Application' pada Selasa.

SHAH ALAM - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah menjadikan strategi pemodenan dan pertanian pintar sebagai kunci utama kepada usaha bagi menjayakan transformasi sektor agromakanan termasuk sektor padi dan beras negara.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, MAFI telah menggariskan lima strategi utama di bawah sub industri padi dan beras menerusi Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0).

Katanya, antara strateginya adalah meningkatkan produktiviti melalui pengurusan penggunaan tanah dan air yang lebih baik dengan memberi penekanan kepada peningkatan kecekapan penggunaan tanah dan air untuk produktiviti lebih tinggi.

"Kedua, memanfaatkan potensi varieti istimewa tempatan dengan membangunkan segmen beras istimewa tempatan untuk mengukuhkan pilihan bagi kepelbagaian varieti oleh pengeluar beras.

"Ketiga, menggalakkan penglibatan sektor swasta yang pelbagai di sepanjang rantai nilai sub industri padi dan beras seiring dengan perkembangan zaman.

"Keempat, penstrukturan semula sokongan kewangan sedia ada untuk menyumbang ke arah memperkasakan pengeluar dalam membuat keputusan perniagaan dengan memperhalusi sokongan input dan output semasa bagi menggalakkan pengoptimumkan operasi pertanian," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Ronald berkata, melalui strategi itu,MAFI akan turut mempromosi, menggalakkan, mengajar dan memupuk generasi belia untuk terlibat dalam sub industri padi dan beras dengan memperkasakan peluang sedia ada melalui pendedahan kepada generasi muda.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan 'Webinar on Leaf Colour Chart (LCC) Application' anjuran Jabatan Pertanian Malaysia pada Selasa yang melibatkan penyertaan peserta dari 10 negara ASEAN dan 250 orang pegawai pengembangan.



Zahimi menunjukkan aplikasi Leaf Colour Chart (LCC) yang dibangunkan oleh Jabatan Pertanian Malaysia.

Webinar yang diadakan menerusi platform ASEAN Cooperation in Agricultural Training and Extension (AWGATE) bertujuan untuk berkongsi pengalaman dan pandangan bagi membantu petani meningkatkan kecekapan dalam proses pengurusan nutrien tanaman padi.

Perbincangan yang diadakan selama dua hari itu turut memberi penekanan kepada pengurusan pintar nutrien dalam pengurusan padi dan beras dalam usaha ke arah penggunaan baja secara tepat yang dapat membantu mengurangkan kos input dan penjagaan alam sekitar yang lestari.

Dalam pada itu, menerusi kenyataan sama, Jabatan Pertanian Malaysia memaklumkan bahawa seiring dengan perkembangan Industri 4.0, pihaknya telah membangunkan aplikasi Leaf Colour Chart (LCC) yang merupakan sebahagian daripada inovasi pertanian pintar.

Ketua Pengarah Pertanian, Datuk Zahimi Hassan berkata, aplikasi itu bakal membantu petani membuat keputusan secara tepat dalam penggunaan baja nitrogen.

"Aplikasi LCC ini membolehkan petani mengambil gambar pokok padi menggunakan telefon pintar dan secara automatik mengeluarkan keputusan segera," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/11/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

### Program Smart Sawah Berskala Besar (SBB)



Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee mencuba nasi dari pelbagai jenis negara ketika hadir pada Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Program Smart Sawah Berskala Besar (SBB) antara Kerajaan dan Tujuh Syarikat Peneraju Sesi 2/2021 di Dewan Tan Sri Abu Zahar Menara Lembaga Pertubuhan Peladang. - Foto Bernama



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/11/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

### 3,811 pesawah terima manfaat SMART SBB



RONALD Kiandee melawat sekitar gerai pameran pada Majlis Menandatangani MOU SMART SBB 2021 di Kuala Lumpur, hari ini. - UTUSAN/MOHD FARIZWAN HASBULLAH

PETALING JAYA: Program SMART Sawah Berskala Besar (SBB) memberi manfaat kepada 3,811 pesawah pada sesi satu tahun ini melibatkan kawasan penanaman padi seluas 9,777.7 hektar.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, program itu adalah salah satu inisiatif kementeriannya ke arah meningkatkan tahap sara diri (SSL) beras negara melalui kerjasama strategik dengan pihak swasta terutama pemain industri padi dan beras.

“Angka ini adalah salah satu kejayaan Program SMART SBB Sesi 1/2021 lalu yang disertai 11 buah syarikat peneraju dalam membangunkan kawasan penanaman padi dengan sasaran seluas 300,000 hektar secara berperingkat.

“Bilangan penglibatan dan hasil pendapatan pesawah melebihi sasaran ditetapkan iaitu sebanyak 280 peratus,” katanya dalam sidang akhbar Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Program Smart SBB antara kerajaan dan tujuh syarikat peneraju sesi 2/2021.

Ronald Kiandee berkata, program SMART SBB adalah hala tuju baharu industri padi dan beras negara yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan bagi meningkatkan produktiviti dalam mencapai tahap sara diri (SSL) beras yang ditetapkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

Kata beliau, kementeriannya akan mengandakan usaha bagi menarik lebih ramai pelabur swasta.

“Tujuh syarikat peneraju bersetuju menandatangani komitmen dan kerjasama strategik dalam program Smart SBB sesi 2/2021 iaitu Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas), Satu Cita Sdn. Bhd., PTG Builder Services Sdn. Bhd., Sermaju Agro Sdn. Bhd., Panji Tulin Enterprise dan Advansia (Sarawak),” katanya. – UTUSAN ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/11/2021	HARAKAH DAILY	ONLINE	

## MAFI tawar inisiatif henti guna pukat tunda



**KUALA LUMPUR:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menawarkan pilihan terbaik kepada nelayan pukat tunda untuk beralih dari tangkapan di zon B ke zon C.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh, berkata ini selaras dengan hasrat kerajaan untuk menghentikan penggunaan

peralatan itu menjelang tahun 2030.

Menurutnya, antara inisiatif yang dilaksanakan ialah memberi pendedahan kepada golongan terbabit mengenai sektor pertanian dan penternakan jika tidak mahu berpindah ke zon C.

“Kita dedahkan kepada mereka, latihan dan kemahiran pertanian jika tidak berminat untuk berpindah ke zon C. Ini termasuk perniagaan, pemasaran, akuakultur dan juga tanaman.

“Semua ini akan memberikan pendapatan yang lumayan kepada mereka, selain kita mengharapkan mereka boleh berpindah ke zon C kerana zon C memberikan pendapatan tangkapan lebih lumayan,” katanya ketika sesi pertanyaan lisan Persidangan Dewan Rakyat di sini, hari ini.

Beliau menjawab soalan Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin, mengenai perancangan kerajaan terhadap 48,000 nelayan zon B dan ribuan kru yang terlibat dengan penutupan zon B.

Dr Nik Muhammad Zawawi yang juga Ahli Parlimen Pasir Puteh, menjelaskan MAFI melalui Jabatan Pertanian dan Industri Makanan telah memperkenalkan penstrukturan semula pukat tunda zon B.

Beliau berkata, langkah yang bermula pada 2016 sehingga 2030 itu dibuat secara ‘soft landing’, membabitkan 48,000 vesel dan 2,013 nelayan yang beroperasi di zon B ketika ini.

“Pukat tunda merupakan peralatan menangkap ikan yang bersifat destruktif dan bukan selektif yang menyebabkan kerosakan ketara kepada sumber pembiakan ikan negara.

“Justeru kita mensasarkan sifar pukat tunda di zon B menjelang tahun 2030 dengan pengumuman Program Pemodenan Vesel dan Mekanisasi di bawah Dana Jaminan Makanan bernilai RM150 juta,” katanya. – HARAKHDAILY 9/11/21

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/11/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	12

## 3,811 pesawah terima manfaat SBB

**PETALING JAYA:** Program SMART Sawah Berskala Besar (SBB) memberi manfaat kepada 3,811 pesawah pada sesi satu tahun ini melibatkan kawasan penanaman padi seluas 9,777.7 hektar.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kian-dee berkata, program itu adalah salah satu inisiatif kementeriannya ke arah meningkatkan tahap sara diri (SSL) beras negara melalui kerjasama strategik dengan pihak swasta terutama pemain industri padi dan beras.

"Angka ini adalah salah satu kejayaan Program SMART SBB Sesi 1/2021 lalu yang disertai 11 buah syarikat peneraju dalam membangunkan kawasan penanaman padi dengan sasaran seluas 300,000 hektar.

"Bilangan penglibatan dan hasil pendapatan pesawah melebihi sasaran ditetapkan iaitu 280 peratus," katanya selepas Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Program Smart SBB antara kerajaan dan tujuh syarikat peneraju sesi 2/2021 semalam.

Tujuh syarikat peneraju bersetuju menandatangani komitmen dan kerjasama strategik dalam program Smart SBB sesi 2/2021 iaitu Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas), Satu Cita Sdn. Bhd., PTG Builder Services Sdn. Bhd., Sermaju Agro Sdn. Bhd., Panji Tulin Enterprise dan Advansia (Sarawak).

Ronald berkata, program SMART SBB adalah hala tuju baharu industri padi dan beras negara yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan bagi meningkatkan produktiviti dalam mencapai tahap sara diri (SSL) beras yang ditetapkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/11/2021	SINAR HARIAN	NASIONAL	7

MAFI akan menggandakan usaha program Smart SBB bagi menarik lebih banyak pelabur swasta

Oleh NAZRIN ZULKAFI

KUALA LUMPUR

Seramai 3,811 pesawah mendapat manfaat di bawah program Smart Sawah Berskala Besar (SBB) sesi 1/2021 yang melibatkan kawasan penanaman padi seluas 9,777.7 hektar.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, sehingga Oktober 2021, bilangan penglibatan dan hasil pendapatan pesawah telah berjaya melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu sebanyak 280 peratus.

"Angka ini adalah salah satu kejayaan program Smart SBB Sesi 1/2021 yang disertai oleh 11 buah syarikat peneraju dalam membangunkan kawasan penanaman padi dengan sasaran seluas 300,000 hektar secara berperingkat," katanya pada Majlis Menandatangani Memorandum

Persefahaman (MoU) Program Smart SBB antara kerajaan dan tujuh syarikat peneraju sesi 2/2021 di sini pada Selasa.

Dalam pada itu, Ronald berkata, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan menggandakan usaha program Smart SBB bagi menarik lebih banyak pelabur swasta.

"Oleh itu, tujuh syarikat peneraju bersejajar menandatangani komitmen dan kerjasama strategik dalam program Smart SBB sesi 2/2021.

"Syarikat itu adalah Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas), Satu Cita Sdn Bhd, PTG Builder Services Sdn Bhd, Sermaju Agro Sdn Bhd, Panji Tulin Enterprise, Advansia (Sarawak) Sdn Bhd dan Unggul Venture Sdn Bhd," katanya.

Menurutnya, penglibatan syarikat ini bagi menjadikan industri padi dan beras negara lebih dinamik serta berdaya saing.

"Ia juga dilakukan memandangkan keperluan kepada bekalan padi bagi pem-

## 3,811 pesawah terima manfaat Smart SBB



Ronald (dua dari kanan) melihat Buku Kolekel Smart SBB pada Majlis Menandatangani MoU Program Smart SBB di Kuala Lumpur pada Selasa.

prosesan beras domestik dijangka terus meningkat," katanya.

Tambah beliau, sehingga kini, MAFI telah mencapai persetujuan bersama dengan kesemua syarikat peneraju untuk menanggung kos penanaman padi sebanyak RM3,200 perhektar.

"Ianya melibatkan kos-kos seperti penggunaan baja tambahan seperti baja

bio, penggunaan jentera mekanisasi dan automasi termasuk dron untuk meracun, pemantauan tanaman secara dalam talian dan sebagainya," katanya.

Menurutnya, program Smart SBB juga dijangka dapat mengurangkan ketergantungan kepada orang tengah selain turut meningkatkan hasil pendapatan pesawah sebanyak 50 peratus.

## Smart SBB: Nafas bantu tingkatkan hasil dan pendapatan petani

KUALA LUMPUR - Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) merancang untuk menjadi peneraju utama dalam industri padi dan beras di bawah Program Smart Sawah Berskala Besar (SBB).

Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah Nafas, Datuk Zamri Yaakob berkata, pihaknya akan bertindak sebagai pembekal dan pengeluar input pertanian yang berkualiti dengan harga kompetitif dalam industri padi dan beras.

Menurutnya, Nafas juga akan memastikan peningkatan hasil padi, pendapatan petani dan negara mencapai sasaran kadar kecukupan sara diri (SSL) sebanyak 75 peratus.

"Sebelum kita melaksanakan projek penanaman padi contohnya di negeri Kedah, pendapatan petani pada ketika itu sebanyak tiga atau empat tan matrik sahaja.

"Kini, penggunaan teknologi baharu, baja dan sebagainya telah membantu meningkatkan hasil petani sebanyak dua kali ganda iaitu lapan hingga sembilan tan matrik.

"Inilah harapan petani dan Nafas berperanan untuk meningkatkan pendapatan mereka," katanya kepada pemberita di sini pada Selasa.

Mengulas lanjut, beliau berkata, Nafas akan memberi latihan dan menjadi pusat rujukan dalam



ZAMRI YAAKOB

**Kini, penggunaan teknologi baharu, baja dan sebagainya telah membantu meningkatkan hasil petani sebanyak dua kali ganda iaitu lapan hingga sembilan tan matrik."**

membangunkan petani muda dengan teknologi serta inovasi terkini.

Tambahnya, Nafas juga akan terlibat di dalam keseluruhan rantaian dari hulu hingga ke hiliran yang melibatkan zon utara dan timur bermula 2022.

"Bagi zon utara, di negeri Kedah ia



Zamri (dua dari kanan) pada majlis Sesi Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) yang diadakan di Kuala Lumpur, pada Selasa.

melibatkan Kampung Namdan seluas 75 hektar, diikuti Kampung Chelong 100 hektar dan Baling 100 hektar manakala Berseri, Perlis seluas 80 hektar.

"Untuk zon timur pula, di Gerai dan Kerandang, Terengganu masing-masing seluas 100 hektar.

"Ia melibatkan minimum keluasan kawasan tanaman 500 hektar dan tidak kurang daripada 200 peserta," ujarnya.

Tambah beliau, Nafas menekankan jadual penanaman dan input pertanian

tepat dengan menganalisa tanah bagi memastikan keperluan kesuburan tanah serta percambahan pokok padi yang efektif.

Nafas juga membangunkan satu formula bermula dari rawatan tanah, percambahan benih sehingga kepada perangsangan pertumbuhan tanaman padi.

Katanya, ia bertujuan untuk memastikan setiap biji benih mampu menjadi beras dan sekali gus memberikan peningkatan hasil tuai.

MAFI tubuh jawatankuasa dengan KPDNHEP pantau aduan petani, pekebun kecil

## Tangani kenaikan harga baja, racun

Oleh FITRI HAZIM

**KUALA LUMPUR** - Kementerian Pertanian Industri dan Makanan (MAFI) akan menubuhkan jawatankuasa bagi menangani masalah kenaikan harga baja dan racun yang membebankan petani dan pesawah di seluruh negara pada masa ini.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Klandee berkata, jawatankuasa berkenaan melibatkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Kementerian Kewangan.

Menurutnya, kementerian menerima aduan berkenaan kenaikan itu daripada petani dan pesawah.

"Isu kenaikan harga baja dan racun menjadi perhatian utama kementerian ketika ini memandangkan golongan petani bergantung kepada dua bahan itu untuk menjalankan perusahaannya mereka.



RONALD (tiga dari kanan) melawat pameran pertanian yang diadakan sempena Majlis MoU Smart SBB 2021 di Kuala Lumpur semalam.

"Kita akan kenal pasti isu ini sebelum dibawa ke peringkat tinggi bagi mengenal pasti tindakan susulan yang perlu diambil,"

katanya pada satu sidang akhbar di sini semalam.

Terdahulu beliau menghadiri Majlis Menandatangani Memo-

randum Persefahaman (MoU) Program Smart Sawah Berskala Besar (SBB) antara kerajaan dan tujuh syarikat peneraju sesi

2/2021 di sini.

Turut hadir Pengurus Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas), Datuk Zamri Yaakob.

Untuk rekod, Program Smart SBB telah memberi manfaat kepada 3,811 pesawah sejak mula diperkenalkan tahun lalu.

Sementara itu, dalam perkembangan lain, Ronald turut memberi jaminan kementerian akan sentiasa memantau perkembangan semasa melibatkan bekalan ayam di pasaran.

Menurutnya, MAFI tidak teragak-agak untuk mengimport ayam seandainya berlaku keperluan mendadak daripada segi bekalan.

"Kerajaan sebelum ini melaksanakan langkah berkenaan bagi mengatasi isu kekurangan ayam di pasaran.

"Kita sedang meneliti masalah dan tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan jika diperlukan dalam masa terdekat," jelasnya.



SAIFUL AZAM

## Penternak mengeluh harga makanan ikan naik

**KUALA PILAH** - Penternak ikan akuakultur di Negeri Sembilan mengeluh apabila terpaksa berdepan dengan kenaikan harga makanan ternakan sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tahun lalu.

Seorang penternak ikan keli dan puyu, Khairul Anuar Md. Piah, 34, berkata, situasi terbaharu, harga makanan itu dikesan naik antara RM3 hingga RM5 untuk setiap kampil 20 hingga 25 kilogram (kg).

"Saya memerlukan satu kampil makanan ikan sehari untuk keperluan 5,000 hingga 6,000 ekor ikan.

"Sejak harga naik saya terpaksa menyukat dengan menggunakan setengah kampil sehari dan menggunakan makanan alternatif seperti daun pucuk ubi," katanya ketika ditemui di Program Penyerahan Input, Dana Jaminan Makanan (DJM) kepada Penternak Negeri Sembilan di sini, semalam.

Tambahnya, dia mengaku terkesan dengan kenaikan harga itu kerana menternak ikan merupakan sumber pendapatan utamanya.

"Saya harap kerajaan dapat mengawal harga makanan ikan ini kerana memberi kesan kepada kami penternak ikan," ujarnya.

Penternak lain, Saiful Azam Nordin, 48, berkata, dia menggunakan lima kampil makanan ikan setiap hari untuk kira-kira 400,000 ekor ikan keli yang di-

bela di Lenggeng, Seremban.

"Saya menggunakan lima kampil makanan ikan bersaiz 25kg setiap hari untuk kira-kira 400,000 ekor ikan keli yang dibela di Lenggeng, Seremban.

"Ada sebilangan penjual makanan ikan ini yang menaikkan harga sehingga RM5 setiap kampil jadi saya menanggung kos tambahan sebanyak RM25 sehari sekarang," jelasnya yang mula menternak ikan sejak 1996.

## Harga makanan ternakan ikan naik

**KUALA PILAH:** Golongan penternak akuakultur di Negeri Sembilan mengeluh berikutan kenaikan harga makanan ternakan itu sejak kebelakangan ini sehingga meningkatkan kos operasi mereka.

Penternak ikan keli dan puyu, Khairul Anuar Md. Piah, 34, berkata, kenaikan harga makanan ikan (*pallet*) itu mula disedari mengalami kenaikan sedikit demi sedikit bermula sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tahun lepas.

Katanya, baru-baru ini harga *pallet* ikan meningkat di antara RM3 hingga RM5 untuk setiap kampil 20 hingga 25 kilogram (kg).

"Pada kebiasaannya saya memerlukan satu kampil makanan ikan sehari untuk keperluan 5,000 hingga 6,000 ekor ikan.

"Namun sejak harga naik, saya terpaksa menyukat dan hanya menggunakan setengah kampil sehari dan tambahan penggunaan daun pucuk ubi sebagai makanan alternatif untuk ikan yang ditenak," katanya.

Khairul Anuar ditemui pemberita pada Program Penyerahan Input Dana Jaminan Makanan (DJM) kepada Penternak Negeri Sembilan dekat Terachi di sini semalam.

Program tersebut dirasmikan Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) Jabatan Perikanan, Mohd. Sufian Sulaiman.

Menurut Khairul Anuar, dia mengakui terkesan dengan kenaikan harga tersebut kerana menternak ikan merupakan sumber pendapatannya.



**KHAIRUL ANUAR MD. PIAH**

"Saya harap kerajaan kawal harga makanan ikan kerana menjejaskan penternak," katanya yang mengusahakan kolam ternakan di Port Dickson.

Seorang lagi penternak ikan, Saiful Azam Nordin, 48, berkata, dia kini menanggung kenaikan kos sebanyak RM25 sehari berikutan kenaikan harga makanan ikan itu.

"Saya menggunakan lima kampil makanan ikan bersaiz 25kg setiap hari untuk ikan keli yang dibela di Lenggeng. Ada penjual menaikkan harga sehingga RM5 setiap kampil jadi saya tanggung kos tambahan sebanyak RM25 sehari," jelasnya.

Sementara itu, seramai 30 pengusaha kecil projek akuakultur di negeri ini menerima bantuan DJM berjumlah RM530,407.

Mohd. Sufian berkata, mereka menerima DJM berbentuk input ternakan dan peralatan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/11/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	33

# Taman Agrovet jadi tarikan

**PADANG BESAR:** Taman Agrovet di sini yang menempatkan burung unta, kuda padi, burung merak dan rusa menjadi salah satu lokasi tarikan pelancong di negeri ini.

Rata-rata pelancong dilihat mengambil kesempatan pulang dari membeli-belah dari arked niaga Padang Besar dengan singgah menyaksikan keunikan haiwan berkenaan.

Seorang pengunjung, Mohd. Nizam Yusoff, 44, dari Kulim, Kedah berkata, dia dan keluarganya pertama kali melawat Taman Agrovet yang terletak kira-kira lima kilometer dari pekan Padang Besar.

Katanya, lokasi tersebut sangat sesuai untuk dikunjungi bersama keluarga khususnya kanak-kanak yang cukup teruja melihat burung unta, rusa dan kuda secara lebih dekat.

"Tempat ini sangat sesuai membawa keluarga berehat. Kanak-kanak seronok melihat dan memberi makan kepada haiwan-haiwan.

"Kemudahan asas seperti surau dan tandas juga disediakan, sesuai untuk berehat sebentar dan memberi peluang anak-anak bermain selepas membeli-belah di Padang Besar," katanya ketika ditemui di sini semalam.



**PENGUNJUNG** memberi makan burung unta ketika melawat Taman Agrovet di Padang Besar, Perlis. - UTUSAN/SYED AZLAN SAYID HIZAR

Taman Agrovet diuruskan Jabatan Veterinar negeri yang menempatkan beberapa spesies haiwan.

Kemasukan ke lokasi pelancongan tersebut adalah percuma, dan pengunjung hanya perlu membayar harga makanan seperti lobak merah, kangkung dan rumput napier untuk diberi

makan kepada haiwan di situ dengan harga hanya RM2 seikat.

Sementara itu, seorang pegawai veterinar negeri memaklumkan, pihaknya kini dalam usaha membawa masuk haiwan lain seperti lembu tenusu dan menambah perkhidmatan kereta kuda untuk mengelilingi taman tersebut.



Varia

Oleh  
SANSUL BAHRI  
AHMAD

**B**AJET 2022 yang dibentangkan pada 29 Oktober lalu antaranya bertujuan untuk mempertasa sektor pertanian supaya menjadi lebih moden, dinamik dan kompetitif sebagai pengeluar utama makanan dunia.

Ini adalah satu bajet diajarkan kepada Rancangan Malaysia ke-12 dan Dasar Agro Makanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) yang dilancarkan pada 25 Oktober lalu.

Senario awal sektor pertanian negara menyumbang kepada asas pembentukan ekonomi Malaysia dalam sumbangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 46 peratus pada tahun 1957.

Dasar Pertanian Negara Pertama (DPNI) 1984-1991 dilaksanakan pada tahun 1984 dengan memberi penekanan kepada dasar yang mengembangkan daya saing tanaman komoditi seperti kelapa sawit dan koko.

Banyak pembangunan prasarana dan pembukaan tanah-tanah baharu bagi memajukan kedua-dua tanaman komoditi ini.

Kelapa sawit amat sesuai dengan penternakan ruminan seperti lembu, kambing dan biri-biri, manakala perladangan getah untuk penternak biri-biri.

Dengan pelaksanaan dasar ini, seluas 5.6 juta hektar kawasan perladangan sawit berpotensi untuk diusahakan sebagai kawasan pengeluaran lembu secara integrasi pada 2015.

Sebanyak 471 peratus tanaman sawit terdapat di Semenanjung, 27.4 peratus di Sabah dan Sarawak (25.5 peratus).

Sebahagian besar perladangan ini milik persendirian, felda, pekebun kecil, agensi kerajaan negeri, Felcra dan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Risda).

Sewaktu era bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 2001, beliau meminta syarikat perladangan besar memperuntukkan sebahagian tanah untuk penanaman komoditi makanan dan penternakan ruminan iaitu lembu serta biri-biri dan kambing.

Bellau ketika itu mahu kegiatan pengeluaran makanan terutama di ladang sawit dibuat secara persepadu dan komersial bagi mencapai sasaran sekurang-kurangnya seluta ekor lembu, berbanding ketika itu 120,000 ekor.

Industri ternakan ruminan khususnya lembu pedaging dan kambing serta biri-biri pada masa ini masih berskala kecil, tetapi berpotensi untuk dikembangkan bagi menjamin bekalan makanan dalam negara serta mengurangkan daging import.

Antara isu dan cabaran yang dihadapi dalam pembangunan industri ini adalah kekurangan kawasan pemeliharaan, baka ternakan berkualiti, harga makanan yang tinggi serta kekurangan kepakaran dan tenaga kerja.



LADANG yang mahu melaksanakan projek pemeliharaan lembu secara integrasi perlu mempunyai kemudahan sistem petak ragutan.

## Perkasa sektor penternakan jamin bekalan makanan



RUMPUT napier ditanam di kawasan lapang di kebun sawit untuk dijadikan makanan lembu dan kambing.

Transformasi industri ternakan ditumpukan kepada perusahaan secara komersial, penghasilan baka ternakan berkualiti, perluasan skim Amalan Penternakan Yang Baik, penyediaan tempat penyembelihan sesuai dan pemrosesan selamat serta penghasilan rumusan makanan ternakan berkualiti pada harga kompetitif.

Selain itu, aspek penyelidikan dan pembangunan untuk mengesan dan mengawal penyakit haiwan serta kecukupan sistem ternakan perlu diberi penekanan.

Pengeluaran hasil ternakan pada 2019 mengikut komoditi daging lembu dan kerbau adalah 42,804.9 tan metrik, manakala komoditi daging kambing dan biri-biri adalah 4,087.2 tan metrik.

Kadar Sara Diri Daging Negara untuk

daging lembu dan kambing masing-masing 22.3 peratus dan 10.1 peratus, manakala penggunaan perkapita hasilan daging lembu dan daging kambing masing-masing 6.1 kilogram (kg) dan 1.1kg setiap tahun.

Populasi lembu, kerbau, kambing dan biri-biri pada 2019 masing-masing berjumlah 683,501 ekor, 107,347 ekor, 371,747 ekor dan 127,796 ekor, berbanding tahun 2018 sebanyak 676,686 ekor, 106,988 ekor, 359,200 ekor dan 128,298 ekor.

Jumlah ini jauh lebih rendah berbanding pada tahun 2015 iaitu masing-masing 742,398 ekor, 118,569 ekor, 431,651 ekor dan 147,033 ekor.

Pengeluaran daging ternakan lembu tempatan disumbang oleh tiga aktiviti penternakan iaitu ternakan integrasi, fidlot dan tradisional.

Bagaimanapun, sistem fidlot lebih digemari dan efisien dalam pengeluaran daging negara.

Fidlot menyumbang 54 peratus, integrasi 12 peratus dan tradisional 34 peratus pengeluaran daging lembu tempatan pada 2003.

Disamping sumbangan pengeluaran oleh tiga aktiviti ternakan lembu pedaging integrasi, fidlot dan tradisional, sebahagian kecil pengeluaran daging tempatan juga disumbang oleh ternakan lembu tenusu.

Antara peranan agensi kerajaan seperti Jabatan Perkhidmatan Veterinar adalah meningkatkan peluang dalam sektor penternakan dengan merancang, menyelaras dan melaksanakan program pembangunan industri penternakan serta makanan bagi meningkatkan produktiviti serta daya saing.

Bagi memastikan industri penternakan terus maju dan mapan, mengawal kos pemakanan adalah perlu.

Hampir 60 hingga 70 peratus kos pengeluaran ternakan bergantung kepada kos penyediaan makanan ternakan, selain memperkasa perkhidmatan VetEC dengan memberi khidmat bagi semua komoditi.

Menjalankan penyelidikan dan pembangunan bersama agensi lain dan pemindahan teknologi kepada pengusaha di kawasan tumpuan sasaran, terutamanya bagi mengurangkan kos pengeluaran ternakan juga penting.

Saya sangat dekat dengan industri ternakan ruminan kerana pernah berkhidmat sebagai tenaga pengajar sepenuh masa di Institut Veterinar Kluang.

Di samping itu, saya turut menjalankan tugasan pemantauan projek ternakan integrasi dan memberi perkhidmatan pengembangan veterinar, ambulatori dan kesihatan gerompok bersama kumpulan di Johor, Pahang dan Kelantan sekitar tahun 1992 hingga 1996.

Saya pernah melaksanakan program ternakan lembu Brahma penganda pada tahun 2005 hingga 2007 di Johor.

Masalah pengurusan ternakan lembu akan menjadi lebih kritikal jika jumlah ternakan dalam kawasan perladangan sawit dan getah tidak disusun rapi.

Pemeliharaan ternakan secara integrasi dengan perladangan dapat mengurangkan kos penggunaan baja dan penjimatan kos merumput.

Sektor ternakan boleh menyumbang kepada 25 peratus hasil pengeluaran ladang jika diurus dengan baik.

**DR. SANSUL BAHRI AHMAD** ialah Pengarah Makmur Livestocks Sdn. Bhd. dan pernah bertugas sebagai Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan serta tenaga pengajar sepenuh masa Institut Veterinar Kluang.





10 NOV, 2021

## Sasar tambah lokasi pasar agro negeri

SelangorKini, Malaysia

Page 1 of 2

# Sasar tambah lokasi pasar agro negeri

**CYBERJAYA** - Kerajaan Negeri mahu menambah jumlah lokasi program Pasar Agro Selangor pada tahun depan bagi membantu peniaga meningkatkan pendapatan.

EXCO pemodenan pertanian dan industri asas tani berkata pihaknya cuba menaikkan dua kali ganda atau 100 tapak secara berperingkat seperti sebelum pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Setakat ini, sebanyak 31 lokasi dibuka seluruh Selangor untuk tapak program pasar agro dengan melibatkan 465 usa-

hawan melibatkan nilai jualan RM350,000 sehingga Oktober ini.

"Kita akan adakan perbincangan dengan beberapa pihak bagaimana hendak tingkatkan lagi prestasi pasar agro dan pasar tani," kata Ir Izham Hashim selepas melawat tapak jualan pasar agro di Taman Tasik Cyberjaya pada 30 Oktober.

Lawatan itu diiringi Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) Dato' Abd Hamid Hussain dan Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Selangor Aiaida Abdul Rashid.

Izham menjelaskan fungsi pasar agro agak berbeza dengan pasar tani kerana menempatkan usahawan langsung iaitu peladang atau pengilang untuk memasarkan produk mereka.

"Tapak jualan pasar agro tidak sama dengan pasar tani dan tidak memerlukan ruang besar selain harganya lebih murah," katanya.

Program pasar agro adalah kerjasama Kerajaan Negeri dengan Fama sejak tiga tahun lalu membabitkan pelaksanaan 87 lokasi di sembilan daerah dengan nilai jualan RM5.2 juta.



10 NOV, 2021

## Sasar tambah lokasi pasar agro negeri

SelangorKini, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

CYBERJAYA - Kerajaan Negeri mahu menambah jumlah lokasi program Pasar Agro Selangor pada tahun depan bagi membantu peniaga meningkatkan pendapatan. EXCO pemodenan pertanian dan industri asas tani berkata pihaknya cuba menaikkan dua kali ganda atau 100 tapak secara berperingkat seperti sebelum pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). "Setakat ini, sebanyak 31 lokasi dibuka seluruh Selangor untuk tapak program pasar agro dengan melibatkan 465 usahawan

melibatkan nilai jualan RM350,000 sehingga Oktober ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/11/2021	KOSMO	ONLINE	

## 2,900 hektar sawah jadi lautan



ALOR SETAR – Badan Bertindak Petani Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) mendakwa lebih 2,900 hektar sawah dalam kawasan MADA di negeri ini ditenggelami banjir sejak dua minggu lalu.

Pengerusinya, Che Ani Mat Zain berkata, kejadian itu berpunca daripada bencana banjir dan fenomena air pasang besar di

beberapa daerah di negeri ini.

Katanya, keadaan tersebut mengundang keresahan dalam kalangan petani yang bimbang anak pokok padi mungkin rosak kerana ditenggelami air dalam tempoh masa yang lama.

“Biasanya padi yang ditenggelami air boleh bertahan antara 10 hingga 15 hari. Jika air tidak surut dalam tempoh tersebut, anak pokok padi akan rosak.

“Bagaimanapun, dalam keadaan sekarang, kami menganggarkan ada kemungkinan lebih 60 peratus akan rosak. Keadaan itu sudah tentu mendatangkan kerugian kepada petani,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Tinjauan mendapati kebanyakan sawah terlibat ditenggelami banjir antara 0.5 meter hingga satu meter.

Menurutnya, bencana banjir akibat hujan lebat serta fenomena air pasang besar itu diburukkan lagi dengan sistem pengairan yang tidak sempurna di beberapa kawasan.

“Demi menjaga kepentingan dan kebajikan petani, MADA perlu segera membuat banciaan terhadap keluasan sawah yang rosak serta jumlah petani terlibat.

“Pihak kerajaan khasnya Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) pula perlu segera mengeluarkan dana untuk memberi bantuan kepada petani,” ujarnya.

Buat masa sekarang kata beliau, pihaknya menganggarkan kalangan petani mengalami kerugian kira-kira RM150 serelung (0.29 hektar) setelah mengeluarkan belanja untuk mendapatkan benih padi, racun dan mengupah kerja-kerja menabur dan meracun.

Tambahnya, MADA juga diminta segera mengenal pasti infrastruktur yang mungkin rosak berikutan kejadian banjir serta fenomena air pasang besar.-K! ONLINE

# MADA yakin strategi DAN 2.0

## Beri impak positif kepada industri padi di kawasan Muda



Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) bersama 57,635 peladang di Kawasan Muda menzahirkan sokongan kepada Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0) yang telah dilancarkan oleh Perdana Menteri pada 25 Oktober lalu.

Pelancaran DAN 2.0 (2021-2030) menjadi momen bersejarah kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) apabila perancangan holistik agromakanan negara bagi tempoh 10 tahun akan datang telah dibangunkan.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda, Ahmad Tarmizi Sulaiman menyifatkan tumpuan DAN 2.0 kepada empat subsektor utama iaitu padi dan beras, buah-buahan dan sayuran, ternakan serta perikanan membuktikan penggubalan DAN 2.0 mampu menjamin rantailah bekalan makanan tidak terganggu.

MADA yang menguruskan 100,685 hektar kawasan penanaman padi di negeri Kedah dan Perlis yang menyumbang 40% pengeluaran tahunan padi negara berpandangan agenda memperkasakan makanan rui rakyat Malaysia ini diangkat dan dirancang secara mampan.

"MADA komited untuk memajukan industri padi negara selari dengan motto n MADA - nadi jelapang padi negara," tegasnya.

Pelancaran DAN 2.0 menekankan objektif kesejahteraan sosial rakyat yang majoritinya kumpulan B40 melalui peningkatan tahap sara diri (SSL) beras daripada 63% pada tahun 2019 kepada 75% pada tahun 2025 dan 80% pada tahun 2030.

Pendekatan penanaman padi smart sawah berskala besar (Smart SBB) yang diperkenalkan untuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan pesawah dilihat mampu mendokong usaha peningkatan SSL.

"MADA mendasarkan sejumlah 10,000 hektar sawah padi akan menyertai program ini menjelang tahun 2025.

"Program yang menekankan kaedah pengurusan secara berpusat dan juga pertanian kontrak ini dijangka dapat meningkatkan hasil padi daripada 5.89 tan sehektar kepada 6.5 tan," katanya.



Ahmad Tarmizi (liri) bersama Pengerusi PPK MADA Kepala Batas, Md Tarmizi Ramli (tengah) mengadakan libat urus bersama peladang MADA di kawasan bagi mendapatkan maklum balas isu semasa.



TARMIZI



ISHAK

Beliau berpendapat, peningkatan SSL seiring dengan penurunan nilai import beras dan juga pertumbuhan KDNK sektor pertanian bagi tempoh tersebut.

"Industri ini perlu memanfaatkan strategi yang dibentuk seperti pengurusan penggunaan sumber yang lebih baik, aplikasi pertanian pintar, penggalakan penyertaan golongan muda, penglibatan lebih ramai sektor swasta di dalam industri dan sebagainya.

"Selain tumpuan kepada sektor padi, MADA turut menyokong pembangunan sub sektor lain seperti ternakan, akuakultur, tanaman dan juga keusahawanan yang berasaskan pertanian dan industri makanan. Sektor ini menjadi sektor kedua penting kepada masyarakat di dalam Kawasan Muda.

"Pada ketika ini sub sektor sokongan yang terdiri daripada 2,402 orang usahawan dan agropreneur muda menyumbang sebanyak RM180 juta nilai jualan kepada ekonomi negara," jelasnya.

### PERUBAHAN

Menjelang tahun 2025, disasarkan sejumlah 2,800 orang usahawan dan agropreneur muda dibangunkan dengan anggaran nilai jualan bagi keseluruhan sektor berjumlah RMI bilion bagi tempoh lima tahun.

Mereka akan terus dibimbing melalui pelaksanaan inisiatif dan geran yang bersesuaian bagi mengukuhkan keupayaan perniagaan.

Penekanan kepada inisiatif e-dagang, kualiti produk dan pembungkusan serta pengeluaran tanaman kontan



Ahmad Tarmizi (dua dari kiri) turun padang bagi memantau program kawasan persewak dan penyakit padi di Kawasan Muda.

akan memberi tambahan pendapatan kepada peladang-peladang MADA.

Beliau tidak menolak kejayaan pelaksanaan sesebuah dasar amat bergantung kepada kumpulan penggerak atau pelaksana yang merupakan sebahagian daripada enablers.

"Dalam konteks ini, pesawah yang bemaung di bawah Pertubuhan Peladang Kawasan MADA (PPK) memainkan peranan penting.

"Keupayaan khidmat sokongan dan teknikal meliputi peryaluran input pertanian, perniagaan PPK serta ejen di lapangan akan ditingkatkan selaras dengan perkembangan revolusi industri 4.0," tegasnya.

Sejajar dengan agenda pembangunan nasional seperti Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WK6), Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) dan Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia, pelbagai elemen diaplikasikan dalam pembentukan program-program MADA, antaranya:

- Penggunaan Geographic Information System (GIS) sebagai pangkalan data, alat pemantau dan menganalisis prestasi tanaman padi.
- Penggunaan drone pertanian bagi aktiviti menyemai, rumpai serta memabur benih.
- Pembangunan jentera dengan kaedah internet of things (IoT) diperhebatkan.
- Mengoptimalkan pelaksanaan program dalam RMKe-12 untuk tempoh 2021-2025.

MADA menerima peruntukan berjumlah RM727.7 juta bagi pelaksanaan 10 projek baharu dan sambilan meliputi sektor tanaman padi, industri makanan, pembangunan infrastruktur, tadbir urus dan juga big data.

Ahmad Tarmizi turut menyifatkan DAN 2.0 menjadi titik tolak kepada perubahan landskap ekonomi pertanian khususnya di Kawasan Muda bagi tempoh satu dekad mendatang.

Katanya, pendapatan peladang di Kawasan Muda dijangka dapat ditingkatkan kepada juaat antara RM2,500 sehingga RM5,000 sebulan berbanding sebelumnya iaitu RM2,000 sebulan.

"Pembentukan DAN ini diharap dapat memacu sebuah perubahan yang signifikan. MADA yang kini memasuki usia jubli emas bersama kepimpinan YB Datuk Seri Dr. Ronald Klandee akan terus bekerja bersama rakyat melalui penerapan budaya teknologi, efisien dan unggul bagi meningkatkan tahap sosioekonomi penduduk desa sekali gus melengkapkan keperluan negara," katanya.

### SOKONGAN

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras Pertubuhan Peladang Kawasan MADA, Ishak Taib berkata, peningkatan tahap sara diri bagi komoditi beras dari 63% pada tahun 2019 kepada 80% menjelang 2030, membuktikan industri padi dan beras amat penting dalam menjamin sekuriti makanan negara sekali gus membantu meningkatkan pendapatan peladang-peladang MADA.

"Isu-isu dan cabaran dilihat secara mendalam menerusi penggubalan DAN 2.0 dan penambahbaikan dilakukan bagi pengurusan tanah dan air dalam usaha meningkatkan hasil peladang.

"Potensi varieti beras istimewa tempatan dilihat dapat membantu peladang membuat pilihan yang lebih berkualiti dan berhasi tinggi," katanya.

Beliau turut menyokong penstrukturan semula bantuan kewangan sedia ada dengan memperhalusi bantuan input dan output bagi mengurangkan kos operasi pesawah.

Katanya, secara tidak langsung ia dapat meningkatkan purata pendapatan bersih sawah dari RM2,000 sebulan kepada RM2,500 hingga RM5,000 sebulan menjelang 2025.

Beliau turut berharap penglibatan pihak swasta membantu meningkatkan purata hasil padi dari 5.89 tan/hektar kepada 6.50 tan/hektar bagi Kawasan Muda.

"Penggunaan teknologi moden seperti penggunaan drone dilihat dapat mengatasi isu kekurangan tenaga buruh di peringkat lading.

"Ia juga menarik minat golongan muda menceburi bidang pertanian. MADA perlukan pelapis dalam industri ini," katanya yang menyokong penuh strategi DAN 2.0 bagi membela nasib peladang.

TARIKH

MEDIA

RUANGAN

MUKA SURAT

10/11/2021

BERITA HARIAN

NASIONAL

15



KAD IDENTITI KEARIFAN PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN (PPK) PENGHARGAAN BAKTI, REBAT LANGGANAN DISKAJINI-VAUCHER DII



AGRO BANK



# DALAM

DEBIT CARD AGROBANK. KEMUDAHAN. KESELAMATAN. CASHLESS. PAYWAVE. ONLINE BANKING. PENGURUSAN KEWANGAN. KEMUDAHAN AKSES. FASILITI KEWANGAN. PLATFORM PENYAMPAIAN.



PERLINDUNGAN TAKAFUL PELADANG MANFAAT PERLINDUNGAN. MERINGANKAN BEBANAN KELUARGA PELADANG. PERKONGSIAN RISIKO. PATUH SYARIAH. PERLINDUNGAN TAKAFUL SEHINGGA RM5,000

TUKAR DEBIT CARD AGROBANK ANDA DENGAN SMART CARD KELUARGA PELADANG (PELADANG - i) ATAU HUBUNGI PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN (PPK) ANDA UNTUK MAKLUMAN LANJUT



# KUCING KAMPUNG ATAU IMPORT

Si bulus tempatan mudah dijaga manakala spesies mahal perlu penjagaan lebih teliti

Oleh Nurul Husna Mahmud  
nurul\_husna@hmetro.com.my

Kegilaan peminat 'si bulus' atau pencinta kucing dalam memiliki spesies diidamkan sebagai koleksi peliharaan boleh dilihat apabila golongan ini sanggup berhabis ribuan ringgit.

Dari kategori baka tulen diimport khas atau kucing Pedigree sehingga spesies kucing eksotik, peminat haiwan itu sanggup mengambil risiko bagi memenuhi hobi mahal itu.

Pegawal Veterinar dan Penyelaras Klinikal di Unit Pembedahan Haiwan Kesayangan, Hospital Veterinar Universiti (UVH), Universiti Putra Malaysia, Dr Erni Wati Mohd Arip berkongsi perbezaan antara spesies itu dengan kucing tempatan.

Kata beliau yang mempunyai pengalaman selama 18 tahun dalam bidang veterinar, perbezaan ketara antara kucing tempatan dengan spesies diimport ialah dari segi pengenalan baka.

"Baka kucing tempatan dikenali sebagai Domestic Short Hair (DSH). Ada juga yang menggelarkannya sebagai kucing kampung.

"Kucing tempatan yang biasa ditemui di jalanan dan bukan baka tulen mahupun kacukan memandangkan cara pembiakannya tidak dikawal.

"Malah, kucing ini boleh didapati dalam pelbagai warna dan corak di badan. Ada yang mempunyai bulu pendek atau lebat, tetapi ada juga yang mempunyai bulu agak panjang.

"Kucing luar atau diimport mengikut pemahaman saya ialah baka kucing tulen atau kucing Pedigree yang dibawa dari negara luar masuk ke Malaysia. Baka kucing seperti ini selalunya sejarah pembiakannya dikawal bagi memastikan ketulenan dan keaslian baka kucing," katanya.

Kata Dr Erni Wati lagi, kebiasaan anak kucing Pedigree yang lahir selalunya mempunyai sijil menerangkan sejarah induknya.

"Sudut lain dapat dilihat sendiri peminat si bulus ialah daya tahan



KUCING kampung lebih mudah dijaga



SETIAP kucing memiliki karakter dan ciri istimewa mengikut baka.

atau 'survival' kucing baik terhadap persekitaran atau penyakit.

"Kucing kampung yang sudah membiak dan hidup dalam persekitaran tempatan lebih mudah dijaga.

"Berlainan dengan kucing import yang perlu penjagaan lebih teliti dan persekitaran tertentu mengikut baka atau tempat asal kucing itu diambil.

"Baka kucing tulen lebih cenderung mempunyai masalah penyakit keturunan atau genetik seperti Feline Lower Urinary Tract Disease (FLUTD), Diabetes Mellitus atau kencing manis, Lymphocytic or Plasmacytic Inflammatory

Disease (masalah mulut dan pencernaan), Polycystic Kidney Disease (buah pinggang) dan Hypertrophic Cardiomyopathy (masalah jantung)," katanya.

Seperti baka Maine Coon yang lebih cenderung untuk menghadapi Hypertrophic Cardiomyopathy (penyakit jantung) dan baka Persia lebih berisiko untuk mendapat penyakit Polycystic Kidney Disease (buah pinggang).

Satu kategori lagi spesies kucing yang kerap dipelihara peminat kucing tempatan ialah jenis hibrid. Baka hibrid merujuk kacukan dari kucing domestik dengan kucing

FOTO: NIK ARJUNIAH IKOMAR DAN USAN ERNI WATI MOHD ARI

domestik yang lain atau dengan kucing hutan (liar).

Disebabkan terdapat perbezaan dari segi genetik maka baka ini selalunya dilihat dengan pebagai saiz selalunya medium dan besar, corak, warna serta tingkah laku yang berbeza-beza.

"Paling banyak dijumpai di Malaysia ialah Bengal. Baka ini mempunyai corak badan seperti harimau bintang. Baka lain seperti caracal dan savannah juga ada dibeta di Malaysia.

"Memandangkan saiz baka ini yang agak besar, penjagaan dan tempat tinggal yang luas serta selesa perlu disediakan sebelum membeli baka jenis ini," katanya.



Sudut lain dapat dilihat sendiri peminat si bulus ialah daya tahan atau 'survival' kucing baik terhadap persekitaran atau penyakit

DR ERNI WATI



BAKA Persia lebih terdedah masalah buah pinggang.